

PERHUBUNGAN : SEKS SIBER

NAMA :

TINGKATAN :

ARAHAN : LENGKAPKAN NOTA DI BAWAH BERPANDUKAN BUKU TEKS.

MAKSUD SEKS SIBER

Komunikasi dua hala atau lebih sama ada berlainan jantina atau sama jantina iaitu menghantar menggunakan teks, huruf atau gambar yang membawa maksud lucah. Komunikasi ini dilakukan bagi memuaskan seks kepada kedua-dua pihak atau individu (Hahn, 1996)

PADANKAN SALAH LAKU BERKAITAN SEKS SIBER DI BAWAH DENGAN BETUL.



Suka menyendiri dan menghantar mesej secara rambang

Mencari kepuasan seks secara fantasi

Berlaku curang (pelaku terdiri daripada suami atau isteri orang)

PADANKAN KESAN TINGKAH LAKU SEKS SIBER DI BAWAH DENGAN BETUL.

Hubungan interpersonal iaitu komunikasi dengan ahli keluarga menjadi hambar kerana menghabiskan masa dengan laman seks. Keadaan ini juga boleh menimbulkan konflik perhubungan sosial dengan ahli keluarga dan orang lain.	Keruntuhan akhlak
Seks siber boleh menjejaskan dan meruntuhkan akhlak remaja pada masa kini dan akan datang.	Menjadi mangsa pemerdagangan seks
Pelaku akan mengalami gangguan emosi kerana cenderung kepada fantasi seks. Keadaan akan lebih parah apabila kesunyian, keseorangan, mengalami tekanan dan tidak sensitif dengan perasaan orang lain.	Keruntuhan institusi kekeluargaan
Mengancam, memalukan atau menakutkan seseorang melalui medium elektronik seperti kiriman mesej (SMS), e-mel, laman web sosial, telefon bimbit atau permainan Internet.	Pornografi kanak-kanak
Perbuatan mengambil, menerima dan menghantar foto lucah diri sendiri atau orang lain di bawah umur 18 tahun.	Gangguan emosi
Laman sesawang lucah yang diakses mengandungi tawaran untuk mendapatkan perkhidmatan seks. Senario ini boleh mendatangkan risiko menjadi mangsa jenayah siber seperti mangsa rogol, mangsa pemerdagangan seks dan pelacuran.	Buli siber dan ancaman
Gangguan seksual bersifat verbal, tanpa lisan, psikologi atau fizikal. Kebiasaannya, kaum wanita diganggu secara seksual di jalanan, dalam pengangkutan awam atau di tempat kerja. Berlaku juga gangguan seksual di sekolah hingga mewujudkan suasana pembelajaran yang tegang dan menimbulkan ketakutan.	Gangguan seksual

PILIH KEMAHIRAN MENGELAK SEKS SIBER YANG BERPADANAN DENGAN GAMBAR YANG DITUNJUKKAN DI BAWAH.

	Menjalani kehidupan bermasyarakat
	Meluangkan masa bersama-sama ahli keluarga dan rakan-rakan
	Kehidupan beragama
	Beriadah
	Jati diri dan motivasi yang kuat
	Pengetahuan tentang bahaya ketagihan seks siber

PILIH JAWAPAN YANG BETUL.



Pengukuhan

- 1 Berikut merupakan salah laku berkaitan seks siber kecuali ...
- (A) Menghantar teks lucah
 - (B) Menghantar gambar dan isyarat lucah
 - (C) Menghantar maklumat tentang salah laku seks
 - (D) Menghantar gambar atau video perlakuan seks
- 2 Mengapakah masalah seks siber semakin berleluasa dalam kalangan remaja?
- I Faktor dunia tanpa sempadan
 - II Kemudahan jalur lebar di rumah
 - III Peningkatan laman sesawang berkaitan pornografi
 - IV Ibu bapa tidak dapat mengesan laman sesawang yang dilawati oleh anak-anak
- (A) I dan II sahaja
 - (B) I, II dan III sahaja
 - (C) II, III dan IV sahaja
 - (D) I, II, III dan IV
- 3 Ketagihan seks siber akan memberikan kesan terhadap remaja itu sendiri dan orang di sekelilingnya. Berdasarkan pernyataan berikut, yang manakah merupakan kesan tingkah laku seks siber?
- I Gangguan emosi
 - II Berasa lebih gembira
 - III Keruntuhan institusi keluarga
 - IV Berjaya mengelakkan buli siber
- (A) I dan III sahaja
 - (B) III dan IV sahaja
 - (C) I dan IV sahaja
 - (D) II, III dan IV sahaja